

**PROSIDING**

*Seminar*  
**POLITIK MALAYSIA**

**Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **ONE STATE, ONE NATION, MULTIPLE NATIONS: KESTABILAN DAN KETIDAKSTABILAN POLITIK**

*Mohd Noor Yazid*

## **ABSTRAK**

*Kertas ini membincangkan hubungan di antara kestabilan dan ketidakstabilan di peringkat domestik dan antarabangsa dengan Negara yang bercirikan one state, one nation dan one state, two nations. Kedua-dua ciri state ini mempunyai implikasi yang besar kepada kestabilan dan ketidakstabilan domestik dan antarabangsa. Negara yang bercirikan one state, one nation dilihat mempunyai darjah kestabilan politik yang lebih tinggi berbanding dengan negara yang mempunyai ciri-ciri one state, two nations. Perbincangan dalam kertas ini melihat secara sistemik akan kestabilan dan ketidakstabilan akibat daripada dua ciri-ciri state di atas. Walaupun begitu fokus akhir perbincangan adalah kepada Malaysia dengan melihat perkembangan yang berlaku sejak awal kemerdekaan dan perubahan-perubahan yang berlaku sejak kebelakangan ini. Apakah Malaysia kini sedang menuju kepada pengukuhan negara yang bercirikan one state, one nation atau one state, two nations?*

## **PENGENALAN**

Negara bangsa (nation state) yang dibentuk tidak selalunya selaras dengan prinsip asas bangsa dan negara. Tidak banyak negara yang dibentuk berasaskan bangsa utama yang mendiami sesebuah negara. Ini berlaku khususnya selepas perang Dunia kedua di mana pertumbuhan negara bangsa yang sangat pesat dalam sejarah, tetapi pada asasnya tidak berasaskan prinsip bangsa dan negara. Ianya ada hubungan yang rapat dengan penjajahan Barat ke atas sesebuah kawasan dan akhirnya terbentuknya sebuah nation-state bila negara penjajah itu meninggalkan negara itu dan memberikan kemerdekaan kepada sesebuah kawasan yang dijajahnya. Akhirnya apa yang berlaku selepas Perang Dunia kedua banyak negara yang terbentuk adalah lebih kepada warisan bekas penjajah daripada berasaskan bangsa utama yang menduduki sesebuah negara. Ini tidak terkecuali Persekutuan Tanah Melayu (1957) dan kemudiannya Persekutuan Malaysia (1963) dibentuk bukan sepenuhnya atas nama bangsa utama yang mendiami tetapi lebih kepada warisan bekas tanah jajahan British. Keadaan yang sama juga berlaku di bekas tanah jajahan kuasa Barat lain di Asia Tenggara seperti Filipina dan Indonesia. Filipina misalnya mempunyai perbezaan yang besar daripada segi bangsa utama di antara wilayah Luzon dan bahagian selatan Mindanao. Perkembangan dan proses pembentukan Negara bangsa sebegini memberikan kesan kepada tahap kestabilan dan ketidakstabilan di negara-negara tersebut sehingga ke hari ini. Ini akan dibincangkan seterusnya dalam esei ini.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif utama kajian ini adalah bagi membincangkan prinsip-prinsip asas 'one state, one nation dan one state, two nations' dan melihat hubungannya dengan kestabilan dan ketidakstabilan. Sejauhmanakah perkara ini di ambilkira dalam perancangan dan pembangunan negara bangsa, halangan-halangan yang berlaku serta kesannya kepada kestabilan dan ketidakstabilan sesebuah negara.

## **PRINSIP DAN KONSEP-KONSEP ASAS**

Dua konsep asas yang akan dijelaskan adalah;

### 1. *One state, one nation*

One state, one nation adalah merujuk kepada sesebuah Negara yang hanya terdiri hanya satu bangsa (nation) utama yang mendiami dalam sesebuah Negara itu yang membentuk kumpulan yang paling dominan. Ianya juga dipanggil sebagai 'coherent state'. Negara-negara yang bersifat begini adalah sangat kecil dalam system antarabangsa pada hari ini. Kurang daripada 10 peratus Negara-negara di dunia adalah dikategorikan sebagai 'coherent state.' Di antara Negara-negara yang boleh dikategorikan sebagai 'coherent state' adalah seperti Jepun, the Netherlands, Norway dan Denmark.

### 2. *One state, multiple nations*

One state, multiple nations adalah merujuk kepada sebuah Negara yang terdiri daripada dua atau lebih bangsa atau kumpulan yang agak dominan yang dapat dibezakan dengan jelas. Hampir 90peratus daripada Negara-negara dunia adalah terdiri daripada kategori ini di mana dalam Negara tersebut terdapat dengan jelas kumpulan yang berbeza dengan kumpulan bangsa utama.

## **ONE STATE, ONE NATION DAN KESTABILAN POLITIK**

One state, one nation pada umumnya lebih membawa kepada darjah kestabilan yang lebih tinggi berbanding dengan Negara yang dikategorikan sebagai 'one state, multiple nations'. Bangsa atau kumpulan yang dominan sangat penting dalam membawa kestabilan dalam sesebuah Negara. Semakin besar kumpulan dominan akan mempunyai hubungan yang semakin positif kepada darjah kestabilan. Sekiranya kumpulan dominan yang agak kecil maka proses tawar-menawar politik dengan kumpulan kedua menjadi semakin lemah. Kumpulan dominan tidak akan dapat memenuhi kepentingan kumpulan dominan dengan lebih baik dan terjamin dan dalam jangka panjang akan melemahkan kedudukan kumpulan dominan.

## **ONE STATE, MULTIPLE NATIONS DAN KETIDAK STABILAN POLITIK**

One state, multiple nations ini mempunyai hubungan yang lebih positif dengan ketidakstabilan politik. Keadaan akan menjadi lebih jelas di Negara-negara sedang membangun yang agihan dan kadar pembangunan ekonomi yang berada ditahap yang rendah. Perasaan tidak puashati terhadap dasar-

dasar oleh kumpulan dominan akan membawa kepada gabungan beberapa kumpulan bukan dominan yang akhirnya akan lebih mengukuhkan kedudukan mereka. Dua atau lebih kumpulan dalam sebuah Negara akan membuka ruang kepada berlakunya ketidakstabilan politik.

## **PERKEMBANGAN DI MALAYSIA**

Proses dan kegiatan ekonomi, politik dan penjajahan di Malaysia sejak akhir abad ke 18 telah membentuk ciri-ciri Negara yang disifatkan sebagai 'one state, multiple nations'. Malaysia dicirikan oleh tiga kumpulan utama iaitu Melayu/bumiputera, Cina dan kumpulan yang lebih kecil India. Proses dan perancangan politik di Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada kumpulan-kumpulan ini dan sehingga kini belum wujud bangsa Malaysia. Kegiatan dan pembentukan parti-parti politik dan ekonomi serta social masih lagi banyak didasarkan kepada kumpulan-kumpulan ini.

Proses mencapai kemerdekaan tidak boleh didasarkan kepada kumpulan dominan Melayu semata-mata, walaupun usaha-usaha ini berlaku khususnya bagi kumpulan dominan Melayu. Ini kerana pertembungan dengan dasar British yang tidak bersetuju sepenuhnya dengan dasar kumpulan dominan Melayu. Pertembungan di antara kumpulan dominan Melayu yang mahukan pembentukan Tanah Melayu merdeka sebagai Negara dominan Melayu telah menentukan perjalanan sejarah dan rupa serta ciri-ciri Malaysia yang terbentuk yang diwarisi sehingga kini. Pertembungan dan kepentingan faktor dalaman dan luaran semasa terpaksa disesuaikan oleh pihak penjajah British bagi kepentingan ekonomi dan politik mereka. Misalnya pihak British terpaksa menyesuaikan dengan Perang Dingin (pertembungan ideology antarabangsa di antara komunis-sosialis dan demokrasi kapitalis) yang berlaku di peringkat antarabangsa dengan struktur penduduk Melayu-Cina serta ciri-ciri tempatan dan regional dalam melaksanakan dasar-dasarnya di Tanah Melayu. Kemenangan pihak komunis pimpinan Mao Tse-tung di China dalam tahun 1948 dan perkembangan politik semasa di Tanah Melayu terpaksa disesuaikan oleh pihak British dalam melaksanakan dasar-dasar pertembungan kumpulan dominan Melayu dengan kumpulan penduduk bukan dominan (khususnya penduduk keturunan Cina dan hubungannya dengan gerakan komunis di tanah Melayu) di Tanah Melayu. Begitu juga dengan perkembangan serantau seperti gerakan komunis di Vietnam dan kekuatan PKI di Indonesia juga disesuaikan oleh pihak British dalam perlaksanaan dasar dan hubungannya dengan kumpulan dominan Melayu di Tanah Melayu. Perkembangan yang berlaku sejak rancangan Malayan Union 1946, penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948, kemerdekaan Tanah Melayu 1957, pembentukan Persekutuan Malaysia 1963 dan dasar-dasar pembentukan dominan Melayu dalam dekad-dekad awal selepas mereka adalah perlu bagi memahami apa yang berlaku kini.

## **MALAYAN UNION & PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**

Penentangan orang Melayu terhadap rancangan British membentuk Malayan Union yang berasaskan kepada hak sama rata dan kelonggaran hak kerakyatan kepada penduduk imigran di Tanah Melayu serta perubahan struktur pentadbiran dan kedudukan raja-raja Melayu adalah persoalan penting pengkalan kedudukan kumpulan dominan Melayu dalam pembentukan Negara bangsa. Perancangan British yang berasaskan kepada hak sama rata ini telah ditentang oleh kumpulan dominan Melayu melalui parti politik Melayu (UMNO) yang juga sebuah parti politik Melayu yang pro-British. Pada masa ini golongan ulama juga masih ramai dalam UMNO, iaitu bilamana Hizbul Muslimin pimpinan

Abu Bakar Bakir diharamkan British pada tahun 1948 maka ramai juga kumpulan ulama menganggotai UMNO sebelum golongan ulama keluar daripada UMNO dalam tahun 1951 dan membentuk parti Islam setanah Melayu (PAS) pada tahun 1951.

Penentangan orang-orang Melayu ini telah berjaya menggagalkan penubuhan Malayan Union menggantikan dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Kekuatan dan kedudukan bangsa Melayu jauh lebih baik daripada apa yang terkandung dalam Rancangan Malayan Union.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah lebih menjamin kedudukan kumpulan dominan Melayu. Hak dan kedudukan bangsa Melayu dipulihkan, kedudukan raja-raja dikembalikan semula, kelonggaran hak kerakyatan kepada penduduk asing di perketatkan dan secara umumnya kumpulan dominan bangsa Melayu di berikan kedudukan yang lebih baik daripada apa yang terkandung dan ditetapkan dalam Malayan Union. Jika Malayan Union ini Berjaya dibentuk dan berjalan sebagaimana yang di rancang oleh British maka proses pembentukan kumpulan bukan dominan (bukan Melayu) yang lebih besar akan berjalan dengan lebih licin. Dengan sokongan British dan penguasaan ekonomi yang lebih kuat maka kumpulan dominan kedua bukan Melayu ini akan memainkan peranan yang lebih besar daripada apa yang berlaku. Dengan kekuatan dan kedudukan gabenor British dan kedudukan raja-raja Melayu yang 'dijatuh tarafkan' (seperti yang digariskan dalam Malayan Union) maka kumpulan dominan Melayu akan menjadi lemah dan kumpulan bukan Melayu akan menjadi lebih kuat. Tetapi ini tidak berlaku kerana perjuangan, kesedaran dan tindakan segera parti-parti politik Melayu pada waktu itu.

## **KEMERDEKAAN TANAH MELAYU 1957**

Kemerdekaan Tanah Melayu dicapai pada 31 Ogos 1957 adalah berasaskan kepada prinsip yang sama dalam Persekutuan tanah Melayu 1948 walaupun kesemua tuntutan kumpulan dominan tidak dapat dipenuhi. Walau bagaimana pun perkara-perkara yang menjadi asas penting yang pada dasarnya menjamin pembentukan 'one state, one nation' dan kedudukan serta jaminan asas kumpulan dominan Melayu telah digariskan dengan agak jelas. Ini termasuklah kedudukan raja-raja Melayu dan Yang Dipertuan Agung, bahasa Melayu, hak istimewa orang-orang Melayu: kemudahan biasiswa, jawatan-jawatan awam dan peluang-peluang ekonomi, kedudukan agama Islam dan lain-lain asas penting yang jika dirancang dengan baik dan kemas akan membawa kepada kekuatan kumpulan dominan Melayu dan akhirnya kepada kekuatan kepada arah cirri-ciri 'one state, one nation.'

## **PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN MALAYSIA 1963**

Proses dan persetujuan kepada pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 juga tidak dapat dipisahkan daripada persoalan 'one state, one nation' dan hal-hal yang berkaitan. Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju pembentukan Persekutuan Malaysia dengan hanya gabungan Persekutuan Tanah Melayu dan Republik Singapura sahaja kerana masalah kumpulan dominan yang bakal menguasai Malaysia. Dengan gabungan Singapura dan Tanah Melayu kumpulan penduduk dominan (yang menjadi majoriti) adalah etnik Cina. Tunku berpendapat bahawa ini adalah bertentangan dengan perjuangan bangsa Melayu dan kestabilan politik orang-orang Melayu dalam

jangka panjang. Orang Melayu tidak akan menjadi kuat jika kumpulan Melayu tidak menjadi penduduk yang majoriti atau dengan kata lain pembentukan 'nation-state' bertunjangkan bangsa Melayu akan tumbang. Dari sinilah Tunku hanya bersetuju jika British bersetuju menyerahkan tanah jajahan British di pulau Borneo yang mempunyai penduduk bumiputera yang ramai yang dapat mengimbangi penduduk imigran Cina yang ramai di Singapura (dan di Pulau Pinang, Perak dan Selangor).

Persoalan penting Tunku adalah kumpulan dominan Melayu mesti menjadi teras dan kumpulan utama bagi kestabilan 'nation-state' dalam jangka panjang. Jadi disini dapat disimpulkan bahawa persoalan 'one state, one nation' adalah isu besar dalam perkiraan kepada asas pembentukan Malaysia. Perkara-perkara penting dalam Persekutuan Persekutuan berkaitan dengan hubungan kaum dan pembentukan Negara bangsa.

Secara falsafah yang mendalam bahawa banyak perkara yang terkandung dalam perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi Negara banyak menjurus kepada mewujudkan Malaysia kepada pembentukan 'one state, one nation' dalam jangka panjang. Bahkan istilah 'Melayu' yang tidak merujuk kepada keturunan secara biologi tetapi lebih kepada ciri-ciri yang dikaitkan dengan agama Islam, bahasa Melayu dan cara hidup serta budaya Melayu adalah mempunyai falsafah tersirat kepada usaha pembentukan satu rupa bangsa Malaysia.

Di antara perkara-perkara yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai hubungan yang rapat kepada pembentukan satu rupa bangsa (nation) Malaysia adalah seperti perkara 3(1), Perkara 8, Perkara 10 (4), Perkara 38, Perkara 150 (6), Perkara 152, Perkara 153 dan beberapa Perkara lain yang melengkapi dan mempunyai hubungan dengan perkara-perkara yang disebutkan di atas.

Perkara 38 misalnya memberikan kuasa kepada Majlis raja-Raja menghalang parlimen membuat undang-undang yang menyentuh kedudukan raja-raja Melayu, hak istimewa orang-orang Melayu, kedudukan Islam sebagai agama rasmi dan juga bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Perkara 38 ini juga akan menjadi lebih jelas dan semakin kuat dengan memahami perkara 10 (4), Perkara 152 dan Perkara 153.

## **PERKEMBANGAN DUA DEKAD PERTAMA SELEPAS MERDEKA**

Perkembangan yang berlaku selepas merdeka khususnya dalam dua dekad pertama selepas merdeka menunjukkan satu usaha ke arah pembentukan sebuah Negara bangsa dengan kekuatan satu kumpulan dominan bagi menjamin kestabilan Negara dalam jangka panjang. Ini juga mempunyai hubungan yang rapat dengan perkembangan dalaman dan hubungan kaum yang berlaku selepas Perang Dunia kedua, era Dharurat 1948-1960 dan Peristiwa 13 Mei 1969.

Di antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti menguatkan kedudukan bahasa Melayu di berbagai peringkat dan bidang (pentadbiran, pendidikan dan kemasyarakatan), peningkatan amalan dan dasar budaya kebangsaan berasaskan budaya Melayu, peningkatan kekuatan dan kestabilan politik Malaysia berasaskan perpaduan dan kekuatan bangsa dominan Melayu (pembentukan Barisan Nasional dan gabungan PAS dan UMNO), penubuhan Universiti Kebangsaan dengan menggunakan

bahasa pengantar Melayu serta peningkatan bilangan mahasiswa Melayu daripada aliran Melayu (serta juga bidang-bidang professional seperti kedoktoran, kejuruteraan dan lain-lain bidang yang ketinggalan bagi orang Melayu), dasar ekonomi baru yang mengukuhkan kedudukan ekonomi kumpulan dominan Melayu serta lain-lain dasar khususnya semasa pentadbiran Tun Abdul Razak.

## **PERKEMBANGAN SEMASA: ADAKAH KEARAH PEMBENTUKAN *ONE STATE, ONE NATION* ATAU *ONE STATE, MULTIPLE NATIONS***

Perkembangan yang berlaku khususnya selepas pilihanraya Mac 2008 telah menunjukkan satu perkembangan baru dalam usaha-usaha awal perjuangan membentuk kumpulan dominan yang kuat dan stabil. Kekalahan BN yang agak luar biasa dalam pilihanraya 2008 telah dan kejatuhan sokongan kepada UMNO telah membawa kepada beberapa perubahan baru. UMNO telah mengalami kekalahan teruk dan tidak menjadi satu-satunya parti tunggal utama bangsa Melayu. Sebenarnya kerusi parlimen Melayu tidak banyak berubah, Cuma sokongan orang-orang Melayu berubah kepada parti PAS dan PKR. Kalau dijumlahkan kerusi parlimen Melayu maka ianya masih yang terbesar, tetapi di dalam struktur yang berbeza iaitu tidak terpusat kepada UMNO seperti mana sebelumnya. Apabila ini berlaku maka kuasa UMNO itu kelihatan lemah kerana secara tradisinya UMNOlah yang menguasai undi orang-orang Melayu.

Bagi menguatkan kedudukan kumpulan dominan orang Melayu perlu ada sebuah parti yang mewakili orang Melayu di peringkat kebangsaan. Parti yang mewakili orang Melayu ini mestinya menjaga kepentingan bangsa Melayu dan Islam. Jika UMNO mahu mengembalikan peranannya sebagai sebuah parti utama orang Melayu, ianya mesti berperanan sebagai pelindung bagi orang-orang Melayu. Sekiranya UMNO tidak Berjaya membuktikan dan meyakinkan bahawa ianya mampu melindungi bangsa Melayu, maka kemungkinan besar akan berlaku pola perubahan sokongan orang-orang Melayu kepada parti Melayu yang baru. Ini tidak boleh dianggap mustahil kerana dalam percaturan kuasa politik yang terdiri daripada beberapa 'nations' di Malaysia kumpulan dominan Melayu mesti kuat dan kukuh. Tanpa kerjasama dan kekuatan kumpulan dominan Melayu kestabilan tidak akan terjamin.

## **KESIMPULAN**

Pembentukan sebuah 'one state, one nation' adalah suatu yang sangat sukar dalam sistem dunia hari ini. Walaupun begitu ciri-ciri yang lebih mendekatinya adalah lebih menjamin kestabilan politik. Dalam usaha ini Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih bercirikan 'one state, two nations' perlu kepada usaha pembentukan sebuah kumpulan dominan Melayu yang lebih berpengaruh bagi menjamin kestabilan. Para pentadbir dan ahli politik sepatutnya menyedari dan melihat persoalan ini dengan mendalam. Sebarang keputusan hendaklah didasarkan kepada persoalan ini, tanpa lebih dipengaruhi oleh kepentingan semasa sahaja. Kestabilan politik dan perancangan jangka panjang perlu lebih diutamakan.

## RUJUKAN

- Amstutz, Mark, R., (1999), *International Conflict and Cooperation: An Introduction to World Politics*, Boston: McGraw-Hill.
- Brown, Michael, E. (ed.), (1993), *Ethnic Conflict and International Security*, Princeton, NJ.: Princeton University Press.
- Cheah Boon Kheng, (2002), *Malaysia: The Making of a Nation*, Singapura: Institute of South East Asian Studies.
- Connor, Walker, (1994), *Ethnonationalism; The Quest for Understanding*, Princeton, N.J.: Princeton University Press.
- (1993), 'Beyond Reason: The Nature of the Ethnonational Bond,' *Ethnic and Racial studies*, vol. 16, Julai 1993.
- (1972), 'Nation-Building or Nation-Destroying,' *World Politics*, vol. 24, April 1972.
- Faiza Zainudin, (2008), 'Tak Faham Sejarah Punca hubungan Etnik Renggang,' *Berita Harian*, 12 Jun 2008.
- Mohd. Noor Yazid, (2008), 'Menyelusuri arah tujuan Negara selepas 51 tahun merdeka: Adakah kita sedang menuju kepada pembentukan 'one state, one nation' atau 'one state, multi, nation?,' *Berita Harian*, 12 September 2008, hal. 26 & 35.
- Mohd. Noor Yazid, (2008), 'Merenung Sejarah di sebalik Penubuhan Persekutuan Malaysia,' *Berita Harian*, 16 September 2008, hal. 33.
- Ramlah Adam, (1998), *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.